

04 SEP 2000

Mara-Pelajar

MARA GANDA JUMLAH PELAJAR KE LUAR NEGARA

Oleh: Mohd Kamel Othman

CHICAGO, 4 Sept (Bernama) -- Mara akan menambah sebanyak 100 peratus jumlah pelajar tajaannya menjadikan 500 orang untuk mengikuti pengajian di seberang laut mulai tahun depan, kata pengerusinya Datuk Wira Abu Seman Yusop.

Beliau berkata pelajar-pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) itu akan dihantar berdasarkan skim pelajar cemerlang.

"Penghantaran yang lepas hanya membabitkan 250 pelajar disebabkan kegawatan ekonomi," katanya kepada Bernama di sini.

Abu Seman berada di sini kerana mengikuti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan majlis perjumpaan dengan pelajar-pelajar Malaysia di Amerika Syarikat. Dr Mahathir tiba pada Jumaat untuk lawatan kerja tiga hari ke Chicago.

Menurutnya pelajar-pelajar itu akan dihantar untuk melanjutkan pelajaran di United Kingdom, Amerika Syarikat, Jordan, Jepun, Kanada, Australia dan Indonesia.

Pada masa ini 144 pelajar menuntut di Amerika Syarikat, kebanyakannya mengikuti kursus kejuruteraan di 33 universiti.

Abu Seman berkata antara kursus tajaan Mara di seberang laut ialah kejuruteraan, sains komputer, sistem maklumat, pengurusan, pentadbiran perniagaan, kewangan, pemasaran, perubatan, sains aktuari, sebaran am dan bahasa Inggeris.

Sejak Mara memperkenalkan program tajaan pelajar pada 1966, sebanyak 156,031 orang telah mendapat faedah membabitkan perbelanjaan RM4.53 bilion.

Daripada jumlah itu, sebanyak 26,178 orang telah dihantar ke pusat-pusat pengajian di luar negeri dan selebihnya dalam negeri.

-- BERNAMA

MKO MAI